

ANUGERAH HIJAU - GREEN SPACE MENJADIKAN PENDIDIKAN-ECO MENARIK

Dates: 19 May, 2014



Untuk Siaran Serta-Merta

PERADUAN ANUGERAH HIJAU - GREEN SPACE MENJADIKAN PENDIDIKAN-ECO MENARIK

Reka Kampus Idaman Anda Untuk Menangi Peluang Latihan Industri Dan Hadiah Wang Tunai

Petaling Jaya, 19 Mei 2013 – Para belia serta golongan profesional yang muda kini mempunyai peluang untuk mereka bentuk kampus idaman mereka melalui kategori *Green Space* dalam Anugerah Hijau 2014. Peraduan tahunan ini menyeru penyertaan daripada belia dan golongan profesional yang berumur dari 18 sehingga 29 untuk menghantar rekaan mereka sebelum 31hb Mei 2014.

Peraduan Anugerah Hijau ini dianjurkan oleh EcoKnights, sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan dan kategori *Green Space* ditaja oleh pemaju hartanah, LBS Bina Group Berhad. Tema bagi peraduan *Green Space* tahun ini merupakan "*Academy of Sustainability*" yang mencabar para peserta untuk mereka sebuah kampus yang mesra alam.

Pengarah Urusan LBS, Dato' Sri Lim Hock San berkata, "Tema tahun ini merupakan kampus mesra alam yang mempunyai hubungan rapat dengan para belia. Oleh itu, ia merupakan satu peluang yang baik bagi para belia untuk memasukkan kehendak dan keinginan mereka ke dalam kampus idaman tersebut. Kita memerlukan idea kreatif mereka untuk memperbaiki serta meningkatkan kualiti seni bina dan industri hartanah kerana kita yakin bahawa belia Malaysia amat berpotensi."



Pengarah Urusan LBS, Dato' Sri Lim Hock San berkata, "Tema tahun ini merupakan kampus mesra alam yang mempunyai hubungan rapat dengan para belia. Oleh itu, ia merupakan satu peluang yang baik bagi para belia untuk memasukkan kehendak dan keinginan mereka ke dalam kampus idaman tersebut. Kita memerlukan idea kreatif mereka untuk memperbaiki serta meningkatkan kualiti seni bina dan industri hartanah kerana kita yakin bahawa belia Malaysia amat berpontensi."

Pemenang johan bagi kategori ini akan memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM5,000, trofi, baucer buku, produk mesra alam, sijil penyertaan serta peluang latihan industri selama 3 bulan di firma arkitek yang bereputasi tinggi. Pemenang tempat kedua dan ketiga pula boleh memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM2,500 dan RM1,000 masing-masing berserta dengan trofi, baucer buku, produk mesra alam dan sijil penyertaan.

Para juri bagi Anugerah Hijau 2014 termasuk Pengasas dan Pengerusi EcoKnights, Yasmin Rasyid; salah seorang Pengasas *Malaysia Green Building Confederation* (MGBC), Thirukumaran Jallendran; Serina Hijjas dari syarikat seni bina Hijjas Kasturi Associates Sdn Bhd; Bon Eng, Pengasas syarikat seni bina, rekaan dalaman Simplex Design Sdn Bhd; Pengasas dan Pengarah Kreatif jenama batik Ruzz Gahara, Hanifi Triff Thamid; Lara Ariffin dari syarikat penerbit dokumentari Novista; Lydia Lubon dari Rack Focus Film; serta Shazila Ghazi dari Bamboo Malaysia Sdn Bhd.

Contoh usul cadangan boleh didapati dalam laman web Anugerah Hijau untuk membantu para peserta untuk mendapatkan idea bagaimana untuk melahirkan sebuah usul cadangan yang baik dan menonjol. Para peserta boleh menghantar usul cadangan secara individu atau secara kumpulan yang tidak melebihi tiga orang ke laman web Anugerah Hijau www.ecoknights.org.my.

ANUGERAH
HIJAU



ANUGERAH HIJAU 2014

IT'S NOT EASY BEING GREEN!



ARE YOU CONCERNED ABOUT THE ENVIRONMENT AND PASSIONATE ABOUT MAKING AN IMPROVEMENT?

Here's your chance to showcase your creative ideas for change! Submit your project to one of three categories below for a chance to win RM10,000 worth of cash and prizes, all while spreading your green message throughout Malaysia!

Send your idea or proposal for any of the following categories:

GREEN SPACE

Design a sustainable, living space. Theme: A small campus for an "Academy of Sustainability".

GREEN FASHION

Design and construct a piece of sustainable fashion. Theme: Fashionably Bamboo.

GREEN FILM

Produce an environmental short film. Theme: Energy & Malaysia

Final project submissions are due 31st May, 2014. Please refer to www.anugerahhijau.my for more information. While you're there, don't forget to sign up for our FREE Environmental Awareness Talk!

Anugerah Hijau, or the Green Awards, is an annual youth-based environmental competition organized by EcoKnights. The competition's goal is to harness the creativity and innovation of Malaysia's young adults to address everyday environmental issues such as pollution, overpopulation, waste management, forest & wildlife destruction, and human health, just to name a few. We want YOU to respond to these issues by exhibiting your creative, "green" ideas in fashion design, environmentally themed short films, and sustainable architecture. Are you ready to show the world your ideas for a better Malaysia? Do YOU have what it takes to be the Green Awards champion? Submit your ideas for a better Malaysia today! This competition is open for young adults in high schools and universities in Malaysia. Terms and conditions apply. Help save our environment; it's the only one we have!

This competition is brought to you by:



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA